

BANJIR

Banjir kilat paling buruk di Pulau Pinang

➔ Beribu-ribu kenderaan terkandas akibat hujan lebat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Fatin Fazlina Yaacob
bhnews@bh.com.my

Georgetown

Kemeriahan sambutan perayaan Deepavali bertukar suram apabila beberapa kawasan di sekitar sini dan Seberang Prai, berhadapan banjir lumpur selepas hujan lebat berterusan selama empat jam, semalam.

Info

Banjir kilat di Pulau Pinang

- ➔ **hujan** bermula jam 4 petang
- ➔ **ratusan** rumah dinaiki air
- ➔ **banjir** kilat yang disertai banjir lumpur
- ➔ **ribuan** kenderaan terkandas

134
20110116
ms f

Antara kawasan yang dinaiki air hingga paras betis dan buku lali ialah Permatang Rawa, Jalan Rozhan, Jalan Tasek, Kampung Sungai Kechil, Kampung Nanas dan Kampung Gajah.

Tinjauan di Jalan P Ramlee mendapati kawasan itu turut dilanda banjir lumpur. Angkatan Pertahanan Awam (APM) terpaksa menggunakan bot penyelamat bagi menyelamatkan beberapa mangsa yang terperangkap di sekitar kawasan itu.

Seorang penduduk di Jalan P Ramlee, R Selvarani, 59, berkata dia sekeluarga sedang bersiap untuk keluar beraya ke rumah kakaknya di Seberang Jaya, Butterworth, sebelum menyedari air mula naik dan enjin kenderaan tidak boleh dihidupkan.

Air cecah dua meter

Katanya, air naik mencecah dua meter dalam tempoh 10 minit dan hasrat untuk menziarahi kakaknya terus



Ratusan rumah termasuk sebuah kampung berdekatan Kampung Melayu Air Itam di sini, dinaiki air selepas hujan lebat berterusan sejak kira-kira jam 4 petang semalam.

Hujan lebat turut menyebabkan trafik sesak di sepanjang Jalan P Ramlee, Jalan Paya Terubung, Jalan Thean Teik, Taman Lumba Kuda dan Jalan Masjid Negeri, sekali gus menyebabkan beribu-ribu kenderaan terkandas.

Air pada paras lutut dilaporkan melanda di Jalan Thean Teik dan Jalan Masjid Negeri dan kereta tidak boleh melalui kawasan itu menyebabkan kawasan berkenaan terputus hubungan.

Beberapa kawasan di Seberang Prai turut dinaiki air antaranya Bukit Mer-tajam, Simpang Ampat dan Jawi.

dibatalkan.

“Saya sedar air sudah naik apabila kereta tidak dapat dihidupkan dan air memasuki rumah. Banjir ini paling teruk, tambahan pula ia terjadi ketika perayaan Deepavali,” katanya.

Sementara itu, tujuh sekeluarga termasuk bekas kakitangan The News Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Sapwi Abu Hassan, 43, dan bayinya berusia tiga bulan diselamatkan selepas terperangkap dalam banjir kilat di Jalan P Ramlee.

Dalam kejadian jam 8.30 malam itu, semua mangsa dipindahkan di sebuah restoran berdekatan sebelum di tempat di pusat pemindahan sementara.

Sapwi berkata, dia bergegas pulang ke rumah selepas dimaklumkan oleh

isterinya mengenai rumah mereka dinaiki air mencecah paras dada.

“Saya terlalu bimbang kerana memikirkan bayi dan isteri. Alhamdulillah... mereka diselamatkan oleh penyelamat APM,” katanya.

Ibu mentuanya yang dikenali Zarina, 65, berkata dia sekeluarga cemas apabila terperangkap kira-kira hampir empat jam di rumahnya.

“Air naik terlalu pantas sehingga kami tidak dapat untuk berbuat apa-apa sehinggalah bantuan sampai dan syukur semua selamat,” katanya.

Untuk komen
e-mel ke bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook BH Online

[FOTO ZULAIKHA ZAINUZMAN/BH]




Keadaan banjir kilat di pekarangan Masjid Negeri, Pulau Pinang.

[FOTO MIKAIL ONG/BH]



Beberapa kawasan di sekitar Air Itam, Pulau Pinang ditenggelami air disebabkan hujan lebat, petang tadi.

[FOTO IHSAN PEMBACA]



[FOTO MIKAIL ONG/BH]



Beberapa kenderaan ditenggelami air dalam banjir kilat di sekitar Air Itam, Pulau Pinang.

[FOTO DANIAL SAAD/BH]



Bayi perempuan berusia tiga bulan antara enam sekeluarga mangsa terawal yang dipindahkan menggunakan sebuah bot oleh APM di Jalan P Ramlee.

[FOTO DANIAL SAAD/BH]



Tiga beradik (dari kiri), R Selvarani, R Vasantha dan R Davee menyambut Deepavali dalam keadaan banjir kilat di Georgetown.

Keadaan tanah runtuh sekitar pangsapuri Sri Ivory di Farlim Air Itam, Pulau Pinang disebabkan hujan lebat, petang tadi.

BH
30/10/16
MIS 7



Kerajaan negeri perlu segera melaksana pelan mitigasi dan tebatan banjir di beberapa kawasan yang kerap dinaiki air setiap kali hujan lebat”

SM Mohamed Idris
Presiden SAM